

Headline	Lukisan <i>doodle</i> terpanjang di Tasik Taman Idaman		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	31 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	874 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,432
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,296



Lukisan *doodle* terpanjang di Tasik Taman Idaman

BERTEMAKAN Township Of The Arts (Perbandaran Seni), perbandaran Alam Impian di Shah Alam, Selangor, akan lebih menarik perhatian pengunjung dengan siapnya lukisan *doodle* terpanjang di atas laluan pejalan kaki sepanjang 1,050 meter dan selebar tiga meter di sekeliling Tasik Taman Idaman, perbandaran tersebut.

Cabaran menyiapkan lukisan *doodle* terpanjang di atas pejalan kaki ini merupakan kolaborasi bersama I&P Group Sdn. Bhd., **Noor Lida Nazri**, pelajar-pelajar tersebut telah diberi tugas bagi menghasilkan lukuran bertemakan *Alam Semula Jadi - Flora, Fauna dan Abstrak* dalam masa dua hari, bermula 8 sehingga 9 Oktober lalu.



NOOR LIDA NAZRI

Noor Lida berkata, dengan tema itu, para pelajar bebas menzahirkan kreativiti seni mereka dan dapat melukis dalam suasana yang berbeza dari dalam kelas. Projek seperti ini

keperluan mengecat. Dalam pada itu, semua kos yang berkaitan bagi menjayakan cabaran yang julung-julung kali diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-10 perbandaran *Alam Impian* telah dibayari pihak I&P sendiri.

Menurut Pengurus Besar Kanan Kumpulan Pemasaran dan Komunikasi I&P Group Sdn. Bhd., **Noor Lida Nazri**, pelajar-pelajar tersebut telah diberi tugas bagi menghasilkan lukuran bertemakan *Alam Semula Jadi - Flora, Fauna dan Abstrak* dalam masa dua hari, bermula 8 sehingga 9 Oktober lalu.

Noor Lida berkata, dengan tema itu, para pelajar bebas menzahirkan kreativiti seni mereka dan dapat melukis dalam suasana yang berbeza dari dalam kelas. Projek seperti ini

belum pernah lagi dilakukan oleh mana-mana pihak.

"Para pelajar yang terlibat adalah daripada semester satu hingga tiga dan mereka dilihat cukup seronok melukis. Dengan peluang yang diberi ini, mereka dapat merasakan sendiri bekerja dalam industri yang berkaitan dan sebagai tapak untuk berkarya. Mereka juga dapat belajar bagaimana bekerja dalam satu kumpulan yang besar."

"Walaupun lukisan *doodle* yang asal hanya menggunakan warna hitam dan putih namun kami memasukkan banyak warna supaya lukisan nampak lebih menarik dan menjadikan pejalan kaki ini lebih menyeronok.

"Selain motif alam dan abstrak ada juga motif kartun yang dilukis oleh pelajar dan ini dapat menarik perhatian kanak-kanak yang datang ke sini bersama ibu bapa."

"Pada 10 Oktober lalu, wakil *Malaysia Book of Records* (MBOR) telah mengesahkan dan mengiktiraf cabaran lukisan *doodle* terpanjang ini.



REPLIKI robot yang terdapat di Tasik Taman Idaman untuk menarik perhatian kanak-kanak yang berkunjung ke taman itu.



Pengumuman pengiktirafan telah dilakukan sendiri oleh wakil MBOR pada 16 Oktober 2016, iaitu hari berlangsungnya acara *Fun Run* yang kami adakan," kata Noor Lida.

Jelaskan, kerjasama bersama industri dalam aktiviti sosial korporat seperti ini akan membantu penjenamaan kesemuah pihak yang terlibat. Selain mampu meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi sosial, juga mampu

mengembangkan kemahiran lukisan dan kepelaburuan peran dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Cuma kata Noor Lida, cabaran yang dihadapi pihaknya ialah bagaimana hendak menjaga taman tasik dan laluan lukisan *doodle* ini.

Taman tasik dan laluan yang dibuat adalah bagi kemudahan semua anggota masyarakat. Pihaknya berusaha mencari dan memberikan yang terbaik supaya semua orang gembira dan seronok beriadah di sini, justeru pihaknya amat mengharapkan agar semua pihak menjaga kemudahan yang disediakan dengan baik dan tidak merosakkan apa yang telah disediakan.

Tambahnya, Tasik Taman Idaman dibuka kepada semua dan menjadi tarikan masyarakat sekeliling yang mahu beriadah atau membangun anak-anak bermain di sini.

Selain laluan pejalan kaki yang menarik dengan lukisan *doodle*, pihak **FRIM** turut menanam sebanyak 1,600 batang pokok daripada 45 spesies seperti pokok jelutong, kelapa paya, tuang, sentul dan petai hutan.

Ujarnya, setiap batang pokok yang ditanam turut diletakkan nama dan boleh menjadi sumber pembelajaran kepada golongan pelajar dan sebagainya.

MENGENAI I&P GROUP SDN. BHD.

I&P Group ialah syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad yang ditubuhkan hasil gabungan tiga syarikat gergasi yang terdiri daripada Island & Peninsula Berhad, Pelangi Berhad dan Petaling Garden Berhad, pada Mei 2009.

Ini merupakan gabungan syarikat-syarikat yang berpengalaman luas dalam bidang hartanah. Antara projek-projek yang aktif dijalankan di Lembah Klang termasuk Bandar Kinrara, Alam Impian, Temasya Glenmarie, Alam Sari, Bandar Baru Seri Petaling, Bayumas, Bukit Damansara serta di Johor seperti Taman Rinting, Taman Perlina, Taman Pelangi Indah.

I&P Group telah mendapat pengiktirafan sebagai 10 pemaju terkemuka hartanah di Malaysia selama 12 tahun berturut-turut sejak 2013 oleh majalah bisnes tempatan. Projek-projeknya juga banyak meraih anugerah dan pengiktirafan dalam dan luar negara.



LUKISAN *doodle* terpanjang berwarna-warni menghiasi pejalan kaki di Tasik Taman Idaman, Alam Saujana, Shah Alam yang dihasilkan pelajar-pelajar serta pensyarah UiTM cawangan Puncak Alam.